



# ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكاتن كوفراسي كڤڤساان ملايسيا برحد

(Malaysian National Co-operative Movement)

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) adalah koperasi Apex yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. ANGKASA melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi. ANGKASA terus menjalankan khidmat teras iaitu menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC.

Sekiranya anda seorang yang berdedikasi, bermotivasi tinggi dan inginkan persekitaran kerja yang stabil dan berdaya-saing, anda dipelawa menyertai kami dengan mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

**1. Nama Jawatan : PENGURUS BESAR (KONTRAK) – IBU PEJABAT  
BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SYARIAH  
(KUMPULAN TADBIR URUS DAN PENTADBIRAN)**

### Kelayakan / Pengalaman

- Berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Undang-Undang Syariah / Ekonomi Islam / Kewangan Islam / Syariah Muamalat yang merangkumi Pengajian Usul dan Fiqh serta berpengalaman 7 tahun di peringkat pengurusan.
- Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan sentiasa mematuhi dasar etika yang tinggi serta menjaga kepatuhan terhadap prinsip-prinsip Syariah dalam semua aspek perniagaan.
- Memiliki pemahaman yang mendalam tentang hukum syariah, prinsip-prinsip ekonomi Islam, kewangan Islam, prinsip-prinsip perbankan Islam, takaful dan instrumen kewangan.

### Bidang Tugas

- Bertanggungjawab dalam urusan-urusan yang melibatkan tugas dan fungsi berkaitan Seksyen Pematuhan Syariah, Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Zakat, Pusat Jagaan Darul Sakinah serta fungsi lain dari semasa ke semasa serta menyediakan kertas cadangan serta laporan-laporan berkaitan .
- Bertindak sebagai Setiausaha Kerja kepada Jawatankuasa Syariah ANGKASA, penama kepada semua Majlis Agama Islam Negeri / Lembaga Zakat Negeri dan pengendali berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Agensi Kerajaan yang lain kepada Pusat Jagaan Darul Sakinah.
- Mengurus dan melaksanakan semua peruntukan perundangan dengan pihak luar yang mempunyai kaitan dengan Seksyen Pematuhan Syariah, Seksyen Pengurusan dan Pembangunan Zakat serta Pusat Jagaan Darul Sakinah seperti Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri / Lembaga Zakat Negeri dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain.
- Mengurus dan melaksanakan pembangunan projek-projek khas serta berkeupayaan untuk memberikan cadangan hukum secara Fiqhiyyah terhadap isu-isu Syariah dan Zakat selaras dengan perkembangan pengurusan dan perniagaan ANGKASA, Anak-Anak Syarikat dan Gerakan koperasi.



## ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكاتن كوبراسي كڤڤساان مليسيا برهڤد

(Malaysian National Co-operative Movement)

2. **Nama Jawatan :** **PENOLONG PENGURUS (KONTRAK)**  
**- PEJABAT ANGKASA NEGERI SABAH**  
**BAHAGIAN PERKHIDMATAN KREDIT DAN KEWANGAN**  
**(KUMPULAN KEWANGAN KORPORAT)**

### Kelayakan / Pengalaman

- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan / Pengurusan Koperasi / Pengurusan Perniagaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan berpengalaman 5 tahun dalam bidang berkaitan.
- Perkembangan positif perniagaan adalah diutamakan.
- Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan sentiasa peka dengan perkembangan semasa.
- Mempunyai hubungan yang baik di antara agensi kerajaan / swasta akan diutamakan

### Bidang Tugas

#### **BAHAGIAN PERKHIDMATAN KREDIT DAN KEWANGAN**

- Membantu Pengurus untuk merancang dan melaksanakan sesi penerangan seperti dialog bersama pelanggan, taklimat kepada Jabatan / kakitangan Jabatan dari semasa ke semasa dan mengatur mesyuarat dan perjumpaan untuk berbincang dengan koperasi, pelanggan BPA & majikan serta jabatan berkaitan isu-isu semasa Sistem Potongan gaji ANGKASA (SPGA).
- Memproses dan mewujudkan kod-kod baru pelanggan BPA yang telah diluluskan oleh Pengurus Besar dan Pengerusi Bahagian BPKK serta memantau agar setiap pelanggan baru menggunakan kod potongan yang betul serta Memproses dan mewujudkan kod-kod baru majikan yang telah diluluskan oleh Pengurus Unit Urusan Tuntutan Potongan Gaji serta memantau kod majikan baru yang telah diluluskan untuk didaftarkan di dalam SPGA.
- Memastikan semua arahan potongan gaji pelanggan iaitu Borang BPA 1/79 & BPA 2/79, arahan lain dari pelanggan mematuhi peraturan yang ditetapkan dan diambil tindakan dengan sempurna dan penyata potongan wujud di dalam Portal Majikan mengikut jadual dan sistem yang telah ditetapkan.
- Menyemak Laporan Bulanan BPKK (disediakan oleh Kerani Kanan & 'finalize' oleh Pegawai Kerja). Meluluskan data laporan EQMS dan laporan KPI, memasukkan / mengemaskini data untuk Plan Risiko BPKK Sabah dan memantau keseluruhan Kumpulan Khidmat Pelanggan, Proses Borang BPKK dan kumpulan Penyediaan Bil dan Tindakan Susulan.



# ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكاتب كو فراسخ كبرسان مليسيا برسد

(Malaysian National Co-operative Movement)

**3. Nama Jawatan : PENGURUS ANGKASA NEGERI (KONTRAK)  
- PEJABAT ANGKASA NEGERI KELANTAN**

**BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN / SEKSYEN ANGKASA  
NIAGA (JKAN & ANAK SYARIKAT)  
(KUMPULAN PERNIAGAAN KOPERASI)**

**Kelayakan / Pengalaman**

- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam / Pentadbiran Perniagaan / Ekonomi dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta 3 tahun pengalaman.
- Mempunyai kemahiran analitikal yang tinggi, kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah yang baik.
- Mempunyai pengalaman dalam bidang Sektor Koperasi, Pengurusan Strategik, Perniagaan dan Kewangan adalah diutamakan.

**Bidang Tugas**

- Membina kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta serta melaksanakan aktiviti penjanaaan pendapatan..
- Mengemaskini daftar keanggotaan koperasi ANGKASA di peringkat negeri berdasarkan status, sektor, dan aktiviti.
- Merancang, menyelaras, dan memastikan kelancaran proses Mesyuarat Agung Negeri (MAN).
- Bertanggungjawab menjalankan Projek Perniagaan Negeri.
- Memantau dan melaporkan pencapaian KPI serta menyediakan laporan perkembangan ANGKASA Negeri Kelantan.



# ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكأتان كو فراسخ كبحسان مليسيا برحد

(Malaysian National Co-operative Movement)

## 4. Nama Jawatan: **PEGAWAI PENTADBIRAN / PEGAWAI SYARIAH (KONTRAK)** **- PEJABAT ANGKASA NEGERI SABAH**

**(i) PEJABAT ANGKASA SABAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN / SEKSYEN ANGKASA**  
**NIAGA (JKAN & ANAK SYARIKAT)**  
**(KUMPULAN PERNIAGAAN KOPERASI)**

**(ii) PEJABAT ANGKASA SABAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SYARIAH**  
**(KUMPULAN TADBIR URUS DAN PENTADBIRAN)**

### Kelayakan / Pengalaman

- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam / Ekonomi / Perakaunan / Pemasaran / Pentadbiran Perniagaan / Pengurusan Perniagaan / Pengurusan Pembangunan dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Mempunyai pengalaman dalam berkaitan adalah diutamakan.
- Mempunyai komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan sentiasa peka dengan perkembangan semasa.

### Bidang Tugas

**(i) PEJABAT ANGKASA SABAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN SEKSYEN ANGKASA NIAGA**  
**(JKAN & ANAK SYARIKAT)**

- Membantu Pengurus dalam ehwal Pentadbiran Pejabat ANGKASA Sabah.
- Melaksanakan KPI ANGKASA Negeri mengikut pelan transformasi dibawah Kumpulan Pembangunan Koperasi iaitu Keanggotaan Koperasi, Pendidikan dan Latihan.
- Membantu dalam pelaksanaan Mesyuarat Agung Negeri (MAN) dan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA).

**(ii) PEJABAT ANGKASA SABAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SYARIAH**  
**(KUMPULAN TADBIR URUS DAN PENTADBIRAN)**

- Melaksanakan sesi taklimat, rundingan, penyelidikan, latihan dan bimbingan kepada koperasi berkaitan konsep-konsep Syariah yang bersesuaian dengan aktiviti dan produk yang dijalankan oleh koperasi dan membenteng kertas kerja untuk program dan bengkel berkaitan Pematuhan Syariah dalam gerakan koperasi.
- Menyediakan cadangan kemaskini Pematuhan Syariah terhadap dokumentasi aktiviti dan produk yang dijalankan oleh koperasi serta menyediakan cadangan solusi terhadap isu-isu ketidakpatuhan Syariah yang timbul terhadap aktiviti dan produk di koperasi.
- Menyelaras rundingan, kutipan serta taklimat skim zakat dan promosi secara menyeluruh kepada semua koperasi ahli dan bukan ahli ANGKASA



## ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكاتب كو فراسي كجسان مليسيا برهاد

(Malaysian National Co-operative Movement)

### 5. Nama Jawatan : PEGAWAI PEMBANGUNAN PERNIAGAAN (KONTRAK)

**- BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN / SEKSYEN ANGKASA  
NIAGA (JKAN & ANAK SYARIKAT)  
(KUMPULAN PERNIAGAAN KOPERASI)**

**(i) PEJABAT ANGKASA NEGERI SEMBILAN**

**(ii) PEJABAT ANGKASA NEGERI SABAH**

**(iii) PEJABAT ANGKASA NEGERI MELAKA**

**(iv) PEJABAT ANGKASA NEGERI TERENGGANU**

**(v) PEJABAT ANGKASA NEGERI PERAK**

#### Kelayakan / Pengalaman

- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan / Pemasaran / Pentadbiran Perniagaan / Pengurusan Pembangunan / Kewangan / Pengurusan Perniagaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Mempunyai hubungan yang baik dengan koperasi ANGKASA adalah satu kelebihan.
- Mempunyai kemahiran analitikal yang tinggi, kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah yang baik.
- Mempunyai pengalaman dalam sektor perniagaan.

#### Bidang Tugas

- Bertanggungjawab memantau perjalanan dan perkembangan projek perniagaan di peringkat negeri dan merencanakan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi produk dan perkhidmatan serta projek perniagaan ANGKASA Pusat / Negeri di peringkat negeri termasuk kepada pihak-pihak berkepentingan termasuk koperasi.
- Mewujudkan jaringan dan kerjasama strategik perniagaan dengan agensi (kerajaan dan swasta) peringkat negeri yang berkaitan untuk menjayakan projek perniagaan ANGKASA serta mengenalpasti dan merangka cadangan aktiviti perniagaan baru yang boleh memberi manfaat kepada ANGKASA Pusat dan Negeri (tertakluk kepada Prosedur Projek Baru ANGKASA).
- Membantu Pengurus Negeri melaksana dan memantau pelaksanaan semua projek perniagaan di bawah CEP 1, 2 atau 3 samada di bawah inisiatif pusat atau negeri serta membantu Pengurus merancang bajet pelaksanaan program pembangunan perniagaan bagi tahun kewangan semasa.
- Pengumpulan dan mengemaskini data aktiviti perniagaan dan hasil output koperasi negeri yang terlibat dengan projek perniagaan ANGKASA serta menyediakan maklumat semasa berkaitan produk dan perkhidmatan serta projek perniagaan ANGKASA / Negeri kepada pihak-pihak berkaitan.



## ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكاتن كوبراسي كبحسان مليسيا برحد

(Malaysian National Co-operative Movement)

### 6. Nama Jawatan : **PEMBANTU AM (KONTRAK)**

**- BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN / SEKSYEN ANGKASA  
NIAGA (JKAN & ANAK SYARIKAT)  
(KUMPULAN PERNIAGAAN KOPERASI)**

- (i) PEJABAT ANGKASA NEGERI PERAK**
- (ii) PEJABAT ANGKASA NEGERI KEDAH**
- (iii) PEJABAT ANGKASA NEGERI MELAKA**
- (iv) PEJABAT ANGKASA NEGERI PAHANG III (BARAT)**
- (v) PEJABAT ANGKASA NEGERI PULAU PINANG**
- (vi) PEJABAT ANGKASA NEGERI TERENGGANU**

#### Kelayakan / Pengalaman

- Berkelulusan SPM dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Jujur, amanah dan bertanggungjawab dalam tugas yang diberikan.

#### Bidang Tugas

- Mengemaskini rekod penyimpanan fail, menyimpan dokumen berkaitan ke dalam fail, mengedar dan pos surat dan tugas-tugas lain yang berkaitan.
- Membantu Kerani dalam perjalanan program yang diatur oleh ANGKASA Pusat dan Negeri berjalan dengan lancar.
- Menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pentadbiran pejabat JKAN serta memastikan keseluruhan pejabat JKAN sentiasa kemas, bersih dan lain-lain tugas yang diarahkan.



# ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انكاتن كوبراسي كبحسائن مليسيا برحد

(Malaysian National Co-operative Movement)


Individu yang berkelayakan dipelawa memohon dengan mengemukakan surat permohonan dan menyatakan jawatan yang dipohon berserta butiran peribadi terperinci (resume/cv) yang mengandungi gambar, maklumat kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran, kualiti personal, gaji semasa, gaji dipohon serta salinan sijil-sijil akademik / berkaitan dan gambar terbaru berukuran pasport kepada :

**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD  
Wisma Ungku A.Aziz, Jalan SS 6/1 Peti  
Surat 8797, Pejabat Pos Kelana Jaya,  
47301 Petaling Jaya, Selangor  
(U/P : Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia)  
Melalui e-mel : [recruitment@angkasa.com](mailto:recruitment@angkasa.com)**

<https://www.jobstore.com/my>

TARIKH IKLAN : 19 JUN 2024  
TARIKH TUTUP : 03 JULAI 2024

WAHWAR/SZ/B/RM/J/ZMG/cek:062024\_iklanluaran

  
WAN ABDUL HALIM BIN  
WAN ABDUL RAZAK  
Pengurus Besar  
Bahagian Pengurusan Risiko  
Tadbir Urus dan Integriti